



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**HUBUNGAN ANTARA TABIAT BELAJAR DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR : SATU
KAJIAN KES DI FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI
MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

Chew Wei Lian

Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
(Pembangunan Sumber Manusia)

2005

LB
2322.2
C514
2005

**HUBUNGAN ANTARA TABIAT BELAJAR DENGAN PENCAPAIAN
AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR:
SATU KAJIAN KES DI FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI
MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS).**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK
UNIMAS



1000143935

Oleh

CHEW WEI LIAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan
Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak
2005

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : HUBUNGAN ANTARA TABIAT BELAJAR DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
DI KALANGAN PELAJAR : SATU KAJIAN KES DI FAKULTI KEJURUTERAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

SESI PENGAJIAN : 07/05

Saya CHEW WEI LIAN

(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

Kpg. Sepayan, Semera,
94600 Asajaya, Sarawak.


Tarikh: 10 MEI 2005

Tarikh: 07/05/05

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk hubungan antara tabiat belajar dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar; satu kajian kes di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah disediakan oleh Chew Wei Lian dan telah diserahkan kepada fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Pembangunan Sumber Manusia).

Diterima untuk diperiksa oleh :

by 
.....
(Puan Noor Shah bt Salleh)

Tarikh :

10/05/05
.....

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ingin ditujukan kepada semua pelajar dalam program kejuruteraan yang sudi menjadi responden saya untuk menjayakan kajian ini. Mereka telah memberikan komitmen dan kerjasama sejak dari penghantaran borang soal selidik sehinggalah proses pengutipan semula borang tersebut. Saya juga ingin tujukan ucapan berbilang-banyak terima kasih dan juga penghargaan kepada Puan Noor Shah bt Salleh yang merupakan penyelia saya bagi projek tahun akhir ini. Terima kasih kerana beliau meluangkan banyak masa, mengemukakan idea-idea serta pendapat yang sangat bermakna di samping nasihat dan teguran kepada saya untuk menyempurnakan projek tahun akhir ini. Segala dorongan dan bimbingan yang beliau curahkan amatlah dihargai. Tanpa bimbingan dan panduan dari beliau, sukar bagi saya untuk menyiapkan projek ini tepat pada masanya.

Tidak lupa juga, ingin saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada kesemua pensyarah program Pembangunan Sumber Manusia terutama sekali Cik Zaiton Hassan, Puan Surena Sabil, Encik Abd Halim Busari dan Puan Dayang Nailul Munna Abang Abdullah selaku mentor saya di atas komitmen mereka dalam membantu saya dan rakan-rakan program yang lain menyediakan projek tahun akhir mengikut peraturan yang sebenar.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua rakan-rakan seprogram sesi 2002 – 2003 di atas idea, tunjuk ajar, komen dan teguran yang mereka berikan dalam usaha menyempurnakan projek ini. Walaupun masing-masing sibuk menyiapkan projek sendiri, mereka masih sudi untuk meluangkan masa memberikan komen dan pendapat sekiranya saya menghadapi masalah dan tidak memahami bahagian-bahagian yang tertentu.

JADUAL ISI KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Jadual Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	vi
Senarai Gambarajah	vii
Abstrak	viii
<i>Abstract</i>	xi

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Kenyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Limitasi Kajian	10
1.9	Definisi Operasional	12
1.10	Kesimpulan	13

BAB 2 : KAJIAN SEMULA PENULISAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Hubungan Antara Tabiat Belajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar	15
2.3	Model Proses Pengajaran dan Pembelajaran Huitt	18
2.4	7 Langkah Dalam Membina Tabiat Belajar Yang Berkesan	20
2.5	Model Aliran Pusingan Pengurusan Masa	24
2.6	Konsep SQ3R	25
2.7	Kajian-Kajian Lepas	27
2.8	Kesimpulan	32

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Kaedah Penyelidikan	33
3.3	Unit Analisis	33
	3.3.1 Populasi	33
	3.3.2 Sampel	33
	3.3.3 Perancangan sampel	34
3.4	Sumber Data	34
3.5	Instrumentasi Kajian	34

3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Penganalisisian Data	39
3.8	Pengumpulan Data	40
3.9	Kesimpulan	41

BAB 4 : DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis Ciri Demografi Responden	42
4.2.1	Analisis Taburan Responden Mengikut PNGK	43
4.2.2	Analisis Taburan responden Mengikut Jantina	44
4.2.3	Analisis Taburan Responden Mengikut Etnik	44
4.2.4	Analisis Taburan Responden Mengikut Program Pengajian	45
4.2.5	Analisis Taburan Responden Mengikut Tahunan Pengajian	45
4.3	Pengujian dan Perbincangan Hipotesis	46
4.3.1	Hipotesis Null 1	46
4.3.2	Hipotesis Null 2	48
4.3.3	Hipotesis Null 3	51
4.3.4	Hipotesis Null 4	53
4.4	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	55
4.5	Kesimpulan	55

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Rumusan Kajian	57
5.3	Kesimpulan Kajian	58
5.4	Implikasi Kajian	60
5.5	Cadangan	61
5.6	Penutup	66

BIBLIOGRAFI	67
--------------------	-----------

LAMPIRAN	71
-----------------	-----------

SENARAI JADUAL

<u>Senarai Jadual</u>	<u>Muka Surat</u>
Jadual 1 : Jadual Skala dan Maklum Balas Responden	36
Jadual 2 : Jadual Pengukuran Tahap Tabiat Pelajar Responden	36
Jadual 3 : Hasil Dapatan Kajian Rintis	38
Jadual 4 : Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut PNGK	43
Jadual 5 : Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	44
Jadual 6 : Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut Etnik	44
Jadual 7 : Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut Program Pengajian	45
Jadual 8 : Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Pengajian	45
Jadual 9 : Keputusan Ujian Kolerasi Pearson antara hubungan tabiat dalam pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar.	46
Jadual 10: Keputusan Ujian Kolerasi Pearson antara hubungan tabiat dalam pengambilan nota dengan pencapaian akademik pelajar.	48
Jadual 11: Keputusan Ujian Kolerasi Pearson antara hubungan tabiat dalam penyediaan tugas dengan pencapaian akademik pelajar.	51
Jadual 12: Keputusan Ujian Kolerasi Pearson antara hubungan tabiat dalam persediaan untuk peperiksaan dengan pencapaian akademik pelajar.	53
Jadual 13: Ringkasan keputusan pengujian hipotesis	55

SENARAI GAMBARAJAH

<u>Senarai Gambarajah</u>	<u>Muka Surat</u>
Gambarajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian	8
Gambarajah 2 : Model Kajian Thathong, 2001	16
Gambarajah 3 : Model Proses Pengajaran dan Pembelajaran Huitt	18
Gambarajah 4: Model Aliran Pusingan Pengurusan Masa	24
Gambarajah 5 : Tahap Perikatan atau Perhubungan Schumacher dan McMillan	40

ABSTRAK

HUBUNGAN ANTARA TABIAT BELAJAR DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI KALANGAN PELAJAR; SATU KAJIAN KES DI FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS).

Chew Wei Lian

Kajian yang dijalankan ini adalah mengenai hubungan antara tabiat belajar dengan pencapaian akademik pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sama ada tabiat belajar mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam program kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauhmana kekuatan hubungan yang wujud di antara empat jenis tabiat belajar mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Tabiat belajar yang dikaji adalah pengurusan masa, pengambilan nota, penyediaan tugas dan persediaan untuk peperiksaan. Borang soal selidik telah digunakan bagi tujuan pengumpulan dan pungutan data dimana soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang tersebut diperolehi berdasarkan soalan-soalan yang digunakan oleh kajian-kajian lepas. Soalan yang terdapat dalam borang soal selidik ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Soalan pada bahagian A adalah mengenai ciri-ciri demografi responden, bahagian B, C, D dan E pula masing-masing mengenai empat jenis tabiat belajar yang dikaji. Seramai 50 orang responden yang terlibat dalam kajian ini yang merupakan pelajar program kejuruteraan. Data yang berjaya dikumpul dianalisis dengan menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) Window Release Version 11.5. Dapatan kajian dengan menggunakan Ujian Korelasi Pearson menunjukkan tiga daripada empat jenis tabiat belajar mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar walaupun perkaitan yang wujud hanya sederhana kuat.

ABSTRACT

RELATIONSHIP BETWEEN STUDY HABITS AND STUDENTS' ACADEMIC ACHIEVEMENT; A CASE STUDY IN FACULTY OF ENGINEERING UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Chew Wei Lian

This research is conducted to investigate the influence of study habits to students' academic achievement in Faculty of Engineering Universiti Malaysia Sarawak. The main aim of this research was to identify how strong the correlation between the four categories of the study habits toward students' academic achievement. Four categories of the study habits that have been used as the independent factors are Time Management, Note Taking, Assignment Preparation and Examination Preparation. A set of questionnaires has been used for the purpose of collecting data. The questions used in this questionnaire were adopted from the previous researches that have been conducted by the past researchers. These questions divided into five parts. The questions in part A were about demographic factors of respondents, part B, C, D and E were about the four categories of study habits that been studied. There were 50 respondents from engineering students involved in this study. The data collected was analyzed by using computer software, Statistical Package for Social Science (SPSS) Window Release Version 11.5. Result from Pearson Correlation analysis found that three out of four categories study habits have significant relationship to the students' academic achievement. However the relationship appeared strongly moderate towards students' academic achievement

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pembelajaran di peringkat sekolah menengah dan pembelajaran di peringkat kolej dan universiti mempunyai perbezaan yang amat besar. Di peringkat sekolah menengah, pelajar hanya dinilai melalui peperiksaan akhir dan skopnya hanya tertumpu pada bahan bacaan yang disediakan sahaja. Di peringkat kolej dan universiti pula, pelajar dinilai selain daripada peperiksaan, mereka juga perlu meluangkan masa yang banyak dalam melengkapkan tugas dan penyelidikan.

Para ahli-ahli psikologi telah mula mengkaji proses pembelajaran dan pendidikan sejak awal abad ini. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar boleh dipertingkatkan melalui pendekatan pembelajaran yang sistematik. Sistem pendidikan negara kita secara umumnya hanya menyediakan

arahan terhadap pengamalan dan pembangunan tabiat dan teknik belajar yang baik. Akibatnya, ramai pelajar dan orang dewasa tidak pernah sedar akan potensi mereka dalam pembelajaran kerana disebabkan oleh salah-anggapan terhadap proses pembelajaran.

Setiap pelajar mempunyai tabiat belajar yang berlainan tetapi tidak semestinya semua tabiat belajar yang diamalkan itu adalah berkesan. Ramai pelajar telah mengadu bahawa pencapaian akademik mereka kurang memuaskan kerana mempunyai tugas yang berat, bahan rujukan yang tidak mencukupi, terlibat secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sesetengah pelajar yang mengalami situasi yang sama seperti ini dapat mempamerkan prestasi yang cemerlang. Ini kerana setiap pelajar ada tabiat belajar yang tersendiri. Contohnya, sesetengah pelajar suka mengulangkaji pada awal pagi iaitu dalam lingkungan pukul 3 hingga 6 pagi; ada yang suka belajar pada tengah malam atau petang. Selain itu, sebahagian pelajar pula suka belajar pada saat-saat akhir sebelum peperiksaan dan sebahagiannya mengamalkan cara ulangkaji yang konsisten iaitu mengikut jadual yang dirancangkan.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara tabiat belajar pelajar program kejuruteraan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan pencapaian akademik mereka. Dalam kajian ini, faktor-faktor yang diambil kira atau pun pembolehubah-pembolehubah yang digunakan untuk menguji hubungan antara tabiat belajar dan pencapaian akademik iaitu Purata Nilai Gred Komulatif (PNGK) pelajar adalah tabiat pelajar dalam pengurusan masa, pengambilan nota, penyediaan tugas dan persediaan untuk peperiksaan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Azikiwe (1998) menerangkan bahawa *study habits are the intelletual skills that enable stuents to work privately to attain success*. Menurut beliau, tabiat belajar yang baik adalah aset yang penting bagi seorang pelajar kerana ia membantu pelajar untuk menguasai bidang kepakaran dan mencapai prestasi akedemik yang cemerlang secara berterusan.

Daripada dapatan hasil kajian dari kajian dari *National Assessmnet of Educational Progress* (1994) mendapati terdapat hubungan positif antara tabiat belajar dengan pencapaian akademik. Iaitu hampir semua pelajar yang mencapai prestasi yang cermelang dalam ujian telah mengamalkan tabiat belajar yang dicadangkan oleh pengkaji. Walaupun tabiat belajar mempunyai hubungan yang langsung atau pengaruh yang langsung kepada pencapaian akademik, pengkaji-pengkaji dalam kajian tersebut turut membincangkan faktor-faktor lain yang juga berperanan dalam penentuan tahap pencapaian pelajar iaitu penglibatan ibu bapa, kebolehan diri serta jumlah dan bentuk kerja rumah yang diberikan kepada pelajar.

Kajian dari Prof. Nneji (1998) pula menjalankan kajian dalam universiti-universiti di Nigeria mengenai Tabiat Belajar Yang Berkesan Antara Pelajar-Pelajar Universiti. Negara Nigeria adalah sebuah negara yang sedang membangun. Alat sokongan pengajaran dan sumber tenaga pengajar adalah jauh berbeza dari negara maju yang lain. Oleh itu, kuantiti dan kualiti pelajar dalam universiti adalah terhad. Selain itu, faktor lain seperti ketidakstabilan politik dan ekonomi juga boleh mempengaruhi pencapaian pelajar. Prof Nneji telah menyatakan bahawa pelajar

sendiri mesti mengetahui tujuan mereka belajar di universiti dan berusaha untuk membangunkan strategi bagi mencapai tujuan mereka. Untuk berjaya dalam universiti, selain daripada mengatasi masalah tersebut, pelajar juga diminta untuk mengamalkan beberapa jenis kemahiran intelek dan salah satunya adalah tabiat belajar supaya dapat mendorong kesedaran diri untuk belajar.

Ahli-ahli psikologi telah mula membuat kajian tentang proses pembelajaran semenjak awal 1900. Hasil dari kajian mereka telah menyimpulkan bahawa pencapaian akademik yang baik mempunyai hubungan yang signifikan dengan satu pendekatan yang sistematik untuk belajar. Tabiat belajar adalah penting untuk mendapat keberkesanan dalam mendapat pengetahuan sama ada belajar di sekolah atau atas daya usaha sendiri. Ahli psikologi Jane Burka dan Lenora Yuen (1983) telah mendapati untuk berjaya dalam akademik, terdapat dua unsur sebagai terasnya iaitu kebolehan diri yang lahir secara semula jadi dan tabiat belajar iaitu satu pendekatan yang sistematik untuk belajar.

“ You don't have to study hard to get by. I know people who never study and still get top marks.” Ramai orang telah salah anggap keadaan ini kerana sesetengah pelajar boleh berprestasi baik adalah kerana kebolehan yang semula jadi adalah lebih kuat dari keupayaannya. Oleh itu, Jane Burka dan Lenora Yuen (1981) menerangkan :

“..... you may be a victim of this fallacy because it is often the driving force behind procrastination. Procrastinators put off work until the last possible moment and often can only work when under extreme pressure of deadlines. They often stay away from classes, fabricate reasons for late work and feel ashamed of their last minute approach.”

1.3 Kenyataan Masalah

Ramai pelajar telah mengadu bahawa pencapaian akademik mereka kurang memuaskan kerana mempunyai tugas yang berat, bahan rujukan yang tidak mencukupi, terlibat secara aktif aktiviti ko-kurikulum dan sebagainya. Mereka jarang menyalahkan cara atau strategi mereka belajar semasa dalam kuliah mahupun apabila mengulangaji dalam biliknya. Walaupun semua faktor ini memainkan peranan penting, tabiat belajar yang diamalkan semasa belajar juga merupakan satu faktor yang amat penting untuk menentukan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini adalah penting kerana kebanyakan kajian lepas hanya mengambil kira faktor seperti tekanan, persekitaran persekolahan, kelengkapan atau peralatan sokongan pembelajaran, pengaruh kawan sebagai faktor luaran dan motivasi pelajar, kerajinan, tahap pengetahuan sebagai faktor luaran untuk mengukur tahap pengaruh kepada pencapaian akademik pelajar. Jarang penyelidikan yang melibatkan tabiat belajar sebagai pengukur dalam tahap pencapaian akademik pelajar. Kajian ini adalah penting untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan antara tabiat belajar pelajar dengan pencapaian akademik mereka.

Kajian-kajian lepas yang mengkaji tentang tabiat belajar hanya tumpu perhatian kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah tadika dan sekolah rendah sahaja. Ini kerana mereka percaya bahawa tabiat belajar telah dibina pada peringkat itu dan sukar untuk berubah apabila memasuki peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Walaubagaimanapun, peringkat pendidikan dalam kolej dan universiti adalah amat berbeza daripada peringkat tadika dan sekolah rendah. Dengan itu, kajian harus

dijalankan untuk mengenalpasti bahawa tabiat yang diamalkan pada pelajar kolej dan universiti mempunyai pengaruh yang langsung kepada pencapaian akademik mereka.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Objektif kajian yang terutama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara tabiat belajar pelajar dengan pencapaian akademik pelajar. Dengan itu, kajian ini dapat menerangkan sama ada tabiat belajar pelajar mempunyai pengaruh atau tidak ke atas pencapaian akademik mereka.

Semua pelajar mempunyai tabiat belajar mereka sendiri tetapi tidak kesemua tabiat belajar itu adalah berkesan dalam membantu mencapai keputusan yang lebih baik malah ia mungkin menjadi faktor dalam kegagalan pelajar mendapat keputusan yang kurang memuaskan. Oleh itu, tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti bentuk dan jenis tabiat belajar yang baik dalam membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik mereka.

1.4.2 Objektif Khusus


- Mengenalpasti hubungan di antara tabiat dalam pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar.

- Mengenalpasti hubungan di antara tabiat dalam penyediaan tugas pencapaian akademik pelajar.

- Mengenalpasti hubungan di antara tabiat dalam pengambilan nota dengan pencapaian akademik pelajar.

- Mengenalpasti hubungan di antara tabiat dalam persediaan untuk peperiksaan dengan pencapaian akademik pelajar.

1.5 Kerangka Konseptual Kajian



Gambarajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian pula adalah seperti berikut:

- Ho1 : Tiada hubungan signifikan di antara tabiat dalam pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar.
- Ho2: Tiada hubungan signifikan di antara tabiat dalam penyediaan tugasan dengan pencapaian akademik pelajar.
- Ho3 : Tiada hubungan signifikan di antara tabiat dalam pengambilan nota dengan pencapaian akademik pelajar.
- Ho4 : Tiada hubungan signifikan di antara tabiat dalam persediaan untuk peperiksaan dengan pencapaian akademik pelajar

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mengenalpasti hubungan antara tabiat belajar pelajar dengan pencapaian akademik mereka. Hasil daripada kajian ini boleh digunakan sebagai garis panduan untuk mencadangkan dan menggalakkan tabiat belajar yang baik di kalangan pelajar oleh para pendidik supaya pelajar dapat meningkatkan prestasi pelajaran mereka. Ini kerana tabiat belajar adalah satu faktor dalaman yang mendorong kesedaran diri untuk mencapai prestasi yang lebih baik. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan semula kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji tentang pengaruh tabiat belajar kepada prestasi pelajar. Pengkaji

juga boleh menggunakan maklumat mengenai tabiat belajar dan meluaskan lagi bidang kajian ini kepada sektor awam yang lain dan juga kepada sektor swasta. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh dipraktikkan dalam bahagian pembangunan sumber manusia iaitu mengetahui tabiat belajar seseorang pekerja. Dengan itu, organisasi dapat mendapatkan pelatih, sumber latihan dan mencipta suasana dan persekitaran latihan yang baik berpandu kepada tabiat belajar pekerja supaya membangunkan program latihan yang bekesan kepada pekerja.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang mana merupakan kelemahan yang dijangka dan sedikit sebanyak mempengaruhi output kajian yang bakal diperolehi. Pertama sekali, kajian ini tidak merangkumi tabiat belajar dengan sepenuhnya dan hanya tabiat dalam pengurusan masa, pengambilan nota, penyediaan tugas dan persediaan untuk peperiksaan sahaja dipilih. Ini kerana jika semua tabiat dirangkumi dalam kajian, maka ia melibatkan masa yang lebih panjang, geografi yang lebih luas dan kos yang lebih tinggi untuk mengkajinya. Dengan itu, kajian ini hanya tertumpu kepada 4 jenis tabiat belajar sahaja yang dijangka mempunyai pengaruh yang paling kuat terhadap pencapaian akademik pelajar dalam program kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak.

Kajian ini juga mempunyai skop geografi yang terhad. Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar di program kejuruteraan di Universiti Malaysia Sarawak sahaja. Dengan itu, hasil dapatan mempunyai kebarangkalian tidak bersuai-padan dengan kajian-kajian lepas. Selain itu, persekitaran pembelajaran dan pendekatan

pembelajaran yang berlainan di setiap institut pengajian tinggi di seluruh Malaysia juga mempunyai pengaruh ke atas hasil kajian. Jika pengkaji ingin menjalankan kajian yang dapat merangkumi skop geografi yang besar, faktor masa dan kos akan menjadi faktor penghalang untuk tujuan tersebut.

Selain itu, sampel untuk kajian ini hanya melibatkan 50 responden sahaja yang dipilih secara rawak mungkin tidak dapat mewakili populasi pelajar institut pengajian tinggi di seluruh Malaysia. Hasil kajian hanya dapat menunjukkan tabiat belajar yang dipamerkan oleh pelajar Universiti Malaysia Sarawak sahaja. Tambahan lagi, keputusan hasil kajian adalah bergantung kepada kefahaman dan keikhlasan responden apabila menjawab item-item dalam borang soal selidik yang dikemukakan dan jumlah pulangan borang soal selidik setelah menjawab borang soal selidik tersebut. Dengan itu, apa yang didapati daripada kajian ini nanti mungkin tidak dapat memberi gambaran sebenar tentang apa yang berlaku di Universiti Malaysia Sarawak secara keseluruhannya.

1.9 Definisi Operasional

- **Tabiat Belajar :**
 - amalan harian dalam pembelajaran dan ulangkaji seseorang pelajar.

- **Pencapaian Akademik :**
 - Purata Nilai Gred Komulatif (PNGK) atau keputusan peperiksaan yang diperolehi oleh pelajar.

- **Pengurusan Masa**
 - bagaimana seseorang pelajar membina jadual waktu dan mengagihkan masa untuk aktiviti-aktiviti seperti mengulangkaji, membuat tugas, aktiviti rekreasi dan sebagainya yang akan dijalankan secara mingguan, bulanan atau tahunan dan mengikut keutamaannya dan kepentingan aktiviti.

- **Pengambilan nota**
 - bagaimana pelajar mencatatkan nota dalam kuliah dari pensyarah sama ada dalam bentuk verbal atau bertulis ataupun membuat nota bertulis yang ringkas melalui hasil bacaan pelajar itu sendiri.

- **Penyediaan Tugas :**
 - bagaimana pelajar seseorang membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah.

- **Persediaan untuk peperiksaan:**
 - aktiviti-aktiviti yang diamalkan oleh seseorang pelajar sewaktu mengulangkaji dan sebelum menduduki ujian atau peperiksaan.

1.10 Kesimpulan

Secara Kesimpulannya, bab ini membicarakan mengenai latar belakang, kenyataan masalah, objektif, hipotesis dan limitasi kajian. Selain itu, kepentingan dan konseptual kajian turut ditimbulkan di dalam bab ini untuk memberi ringkasan strategik yang akan digunakan di dalam kajian ini. Bab seterusnya adalah mengenai sorotan kajian oleh pengkaji-pengkaji lepas serta teori dan model yang berkaitan.